

KOLEKSI PENDING EMAS: TIPOLOGI DAN TEKNIK PERTUKANGAN LOGAM

GOLD WAIST BUCKLE COLLECTION : METALWORK TYPOLOGY AND TECHNIQUE

**Hayati Mohamad Zawawi
Sabzali Musa Kahn
Raja Suriaty Raja Ahmed**
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Email: hmz7092@gmail.com
sabzali@um.edu.my
rajesue85@gmail.com

Abstrak

Artikel ini merupakan kajian tentang pending emas yang merupakan salah satu jenis perhiasan diri yang eksklusif. Pending emas merupakan simbol status bagi masyarakat di Asia Tenggara. Ia juga merupakan salah satu budaya kebendaan berstatus tinggi bagi masyarakat Melayu dan Baba Nyonya. Pemakaianya dikhususkan untuk sultan dan kerabat diraja, manakala bagi masyarakat Baba Nyonya, pending emas dipakai oleh keluarga berada dan berkedudukan tinggi. Kajian ini memfokuskan pada koleksi pending emas Melayu dan Baba Nyonya di Jabatan Muzium Malaysia. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif. Artikel ini ialah kajian tipologi dan teknik pertukangan pada koleksi pending emas. Tiga kaedah yang digunakan dalam pengumpulan data iaitu kaedah pemerhatian, kaedah temu bual dan kaedah dokumentasi. Hasil daripada analisis yang dijalankan, didapati tipologi pending emas dalam koleksi ini terbahagi kepada dua iaitu bentuk geometri dan bentuk organik. Selain itu, struktur bingkai luar pending seperti bentuk bucu dan

kesan takukan turut memberikan identiti tertentu pada tipologi pending emas. Dalam kajian ini juga, didapati tujuh teknik pertukangan logam digunakan dalam koleksi pending emas di Jabatan Muzium Malaysia. Ini menunjukkan terdapat pengaruh teknik pertukangan dari negara luar selain teknik pertukangan tempatan yang digabungkan bersama kemahiran dan kreativiti tukang emas tempatan.

Kata kunci: Pending Emas, Tipologi Pending, Teknik Pertukangan Logam, Reka Bentuk, Pengaruh.

Abstract

This article discusses on gold waist buckle research which is a type of an exclusive ornament. The gold waist buckle is considered as a symbol of status among Southeast Asians. It is one of the highly revered cultural ornaments among the Malay community and the Baba Nyonyas. It is mainly worn by the King and the royal family while for Baba Nyonya, it is worn by the affluent and high rank family. Thus, the research focuses on the Malay and Baba Nyonya gold waist buckle collection of the Department of Museums Malaysia. The qualitative method approach is adopted for this research. This article examines the typology and handiworks technique of the gold waist buckle collection. For data accumulation, there were three methods applied which comprised of observation, interview and documentation. According to analysis findings, the typology of the gold waist buckle is divided into two shapes namely geometric and organic. Apart from that, the outer frame structure of pointed and hacked shape gives a special identity to gold waist buckle typology. In this research, there are seven metalwork techniques applied on the Department of Museums Malaysia gold waist

buckle collection. It indicates an influence of foreign and local handiwork technique which is assimilated with the workmanship and creativity of local goldsmith.

Keywords: Gold Waist Buckle, Typology, Metalwork Technique, Design, Influence.

1.0 Pengenalan

Pending merupakan salah satu jenis perhiasan diri yang digunakan oleh pelbagai lapisan masyarakat pada zaman silam di sekitar kepulauan Melayu Nusantara. Bahan-bahan seperti logam emas, perak, suasa, tembaga dan kayu digunakan secara meluas dalam pembuatan pending (Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, 2015). Pemilihan bahan dalam pembuatan pending adalah berkait rapat dengan taraf kedudukan seseorang dalam masyarakat. Taraf kekayaan seseorang itu dapat dinilai dengan perhiasan emas yang dimiliki (Balai Seni Lukis Negara, 1997). Pending emas adalah sinonim untuk raja Melayu dan golongan istana (Siti Raudhah, Arba’iyah dan Mulyadi, 2016). Bagi masyarakat Baba Nyonya, pending emas hanya dimiliki oleh keluarga Baba Nyonya yang kaya dan berkedudukan tinggi (Ho, 1984). Pemilihan logam emas sebagai bahan menunjukkan satu persamaan iaitu pending emas adalah simbol status bagi kedua-dua masyarakat ini.

Pending emas merupakan antara koleksi pending yang terdapat di Jabatan Muzium Malaysia (JMM). Sebagai salah satu artifak budaya kebendaan yang melambangkan keagungan bangsa Melayu, pending emas telah diiktiraf sebagai salah satu artifak dalam Daftar Warisan Kebangsaan 2009. Artikel ini akan mengkaji koleksi pending emas JMM daripada koleksi etnologi Melayu dan Baba Nyonya yang berjumlah 24 buah pending. Himpunan koleksi pending ini kebanyakannya telah

berusia lebih 200 tahun. Koleksi pending emas ini sebahagiannya dipamerkan di galeri dan disimpan di ruang repositori.

2.0 Objektif kajian

Himpunan koleksi 24 buah pending emas JMM mempunyai kepelbagaiannya reka bentuk yang berbeza dan mempunyai keunikan tersendiri. Reka bentuk pending secara umum merangkumi jenis bentuk asas, bahan, reka corak dan teknik pertukangan logam yang digunakan. Namun, tidak banyak kajian dibuat pada pending emas terutamanya dari segi tipologi dan teknik pertukangan logam. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis tipologi dan teknik pertukangan logam pada koleksi pending emas JMM.

3.0 Kaedah kajian


Kaedah kualitatif digunakan bagi mengumpul data primer dan data sekunder untuk kajian ini. Bagi pengumpulan data primer, tiga kaedah iaitu kajian di lapangan, pemerhatian pada artifik pendeng dan analisis dokumen digunakan. Kajian di lapangan dijalankan di tiga lokasi terpilih iaitu Muzium Negara, Muzium Tekstil Negara dan repositori utama JMM. Analisis dokumen adalah terdiri daripada katalog, gambar dan artifik pendeng. Maklumat daripada kajian kepustakaan seperti buku dan jurnal dalam talian merupakan data sekunder untuk kajian ini.

4.0 Analisis tipologi koleksi pending emas

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, tipologi bermaksud satu kajian tentang tipa iaitu kajian tentang model, jenis atau golongan. Ia juga merujuk kepada pertalian

antara tipa serta sifat atau perwatakan yang terdapat pada setiap tipa. Pending juga tidak terkecuali memiliki tipologinya yang tersendiri. Meskipun pending dianggap mempunyai bentuk tipikal seperti mata atau daun, namun pending juga boleh ditemui dalam pelbagai bentuk yang berbeza. Kepelbagaian bentuk pending telah memberikan variasi dalam reka bentuknya. Selain bentuk, saiz, jenis bahan, dekorasi ragam hias dan teknik pertukangan turut dititikberatkan dalam penghasilan sesebuah pending.

Menurut Siti Zainon (2009), bentuk asas pending didapati dalam empat jenis bentuk iaitu bujur lancip, bujur berhujung pepat, bulat dan segi empat panjang seperti di Rajah 1. Siti Zainon memperihalkan bentuk bujur lancip adalah seperti bentuk biji mata manusia. Bentuk ini juga dikenali sebagai pending permata. Bentuk bujur lancip bermaksud tirus atau runcing pada kedua-dua bucu atau hujung pending. Istilah pending bujur berhujung pepat bermaksud sesebuah pending itu mempunyai bucu atau hujung yang rata dan sama tanpa sebarang kesan runcing atau tirus pada hujungnya. Kata nama lain bagi pending ini menurut Siti Zainon ialah pending jadam. Siti Raudhah et al. (2016) mengklasifikasi pending kepada empat kategori iaitu pending berbentuk bujur seperti buah kana, berbentuk bujur seperti bentuk mata, segi empat panjang dan bulat.




Rajah 1: Bentuk-bentuk asas pending.

Rajah 2 dan 3 di bawah menunjukkan koleksi pending emas JMM terdiri daripada pelbagai bentuk yang menarik. Berdasarkan analisis melalui kaedah pemerhatian dan analisis dokumen, pengkaji mendapati koleksi pending emas ini terbahagi kepada dua bentuk utama iaitu geometri dan organik. Sebanyak lima buah pending emas telah dihasilkan dalam bentuk geometri. Bentuk bulat, segi empat panjang dan bujur berhujung pepat merupakan tiga bentuk geometri yang terdapat dalam koleksi pending emas ini. Manakala sebanyak 19 buah pending emas adalah dalam bentuk organik. Pending emas berbentuk organik dapat dikenal pasti melalui bentuk bujur lancip pada hujungnya.


Jadual 4.1 Bilangan koleksi pending emas JMM berdasarkan kategori bentuk

| Kategori bentuk | Bilangan |
|--------------------------|-----------|
| 1. Bujur berhujung pepat | 3 |
| 2. Bulat | 1 |
| 3. Segi empat panjang | 1 |
| 4. Bujur lancip | 19 |
| Jumlah | 24 |

Pending emas berbentuk geometri amat kurang dihasilkan berbanding pending emas berbentuk organik. Ini menunjukkan pending emas berbentuk geometri dibuat khas berdasarkan cita rasa seseorang individu. Saiz pending emas berbentuk geometri juga adalah lebih kecil. Dalam koleksi ini, pengkaji mendapati pending emas berbentuk organik mempunyai reka corak penuh dan ragam hias yang lebih menarik. Saiznya juga adalah lebih besar bertujuan untuk menarik perhatian pada pemakainya. Namun, pengkaji tidak menemui sebarang pending emas Baba Nyonya berbentuk geometri dalam koleksi ini.




Rajah 2: Koleksi pending emas Baba Nyonya di Jabatan Muzium Malaysia.



Rajah 3: Koleksi pending emas Melayu di Jabatan Muzium Malaysia.

Perbezaan pending emas organik berbentuk bujur lancip dapat dilihat pada bahagian bingkai luarnya. Khairul Hafizi et al. (2009) menyatakan struktur pending Melayu terdiri daripada bahagian bingkai luar, badan pending, bingkai dalam, kepala pending dan mata punca pending. Kajian ini mendapati bahawa bahagian bingkai luar pending emas Melayu mempunyai dua ciri iaitu rata dan mempunyai kesan takukan. Reka bentuk pending dengan kesan takukan pada bahagian bingkai luar memberikan kelainan berbanding reka bentuk pending berbingkai luar yang rata.




Rajah 4: Koleksi pending emas Melayu di Jabatan Muzium Malaysia.


Terdapat perbezaan bahagian bingkai luar pada kedua-dua koleksi ini. Kesan takukan ini hanya boleh ditemui pada pending berbentuk bujur lancip. Pending emas Melayu bersaiz besar lazimnya mempunyai tiga tingkat takukan. Manakala bagi pending emas Melayu bersaiz kecil pula mempunyai dua tingkat takukan. Namun terdapat juga pending emas Melayu yang mempunyai satu tingkat takukan sahaja. Ini menunjukkan terdapat pengaruh elemen reka bentuk pending Baba Nyonya pada reka bentuk pending Melayu.

Untuk reka bentuk pending emas Baba Nyonya, terdapat tiga atau empat tingkat takukan pada bahagian bingkai luarnya. Kesan takukan pada pending emas Baba Nyonya bersifat melengkung berbanding takukan pada pending emas Melayu.


Selain itu, bentuk bucu pending juga memberikan identiti pada reka bentuk bahagian bingkai luar pending. Kepelbagaiannya reka bentuk bucu pada pending emas Melayu ini memberikan identiti dan rupa visual yang menarik.



Rajah 5: Ilustrasi kesan takukan pada pending emas Melayu.



Rajah 6: Ilustrasi kesan takukan pada pending emas Baba Nyonya.



Rajah 7: Ilustrasi pending emas Melayu berbentuk bujur lancip dengan reka bentuk bucu pending yang berbeza.

5.0 Teknik pertukangan pending emas

Perhiasan emas masyarakat Melayu mempunyai nilai estetika yang tinggi. Daya kreativiti dan kemahiran tinggi yang dimiliki oleh tukang-tukang emas Melayu tradisional memperlihatkan kehalusan seni dan mutu perhiasan emas masyarakat

Melayu. Syed Ahmad Jamal (1992) menyatakan penghasilan barang hiasan logam lebih terserlah apabila tukang logam arif tentang sifat dua dimensi dan tiga dimensi barang hiasan yang dihasilkan. Terdapat beberapa teknik yang sering digunakan oleh tukang-tukang emas Melayu tradisional untuk menghasilkan perhiasan diri. Teknik memahat, teknik butiran atau teknik silat pahat, teknik tebuk tembus, teknik karut atau teknik pintalan dawai, teknik tampalan, teknik tatahan batu permata dan teknik sepuhan emas adalah teknik tradisional yang sering digunakan (Mohd. Kassim, 1988, 2007; Syed Ahmad Jamal, 1992). Antara kaedah tradisional lain yang turut digunakan oleh tukang-tukang emas Melayu tradisional ialah teknik tuangan (Khairul Hafizi et al., 2009).

Setiap teknik tradisional yang digunakan menghasilkan seni kraf logam yang berbeza. Teknik-teknik ini digunakan secara meluas dalam pembuatan pending emas Melayu. Dalam pembuatan pending emas Baba Nyonya, pelbagai teknik pertukangan ini turut digunakan oleh para tukang emas Cina tempatan serta tukang emas yang dibawa khas dari Sri Lanka dan China. Berdasarkan analisis kajian, sebanyak tujuh teknik pertukangan logam emas telah diaplikasikan pada sampel kajian. Tujuh teknik yang dikenal pasti ialah teknik memahat, teknik butiran, teknik tebuk tembus, teknik karut, teknik tampalan, teknik tatahan batu permata dan teknik sepuhan emas. Teknik memahat merupakan teknik yang kerap digunakan pada pending emas. Dalam kedua-dua koleksi ini, terdapat pending emas yang mempunyai kombinasi lebih daripada dua teknik pertukangan. Malah, terdapat juga pending emas yang tidak menggunakan teknik memahat sebagai dekorasi ragam hiasnya. Secara asasnya, teknik memahat yang digunakan telah memadai untuk menimbulkan keindahan pending emas. Namun, gabungan pelbagai teknik lain seperti teknik butiran, teknik tatahan permata

atau teknik karut secara tidak langsung memberi nilai tambah pada dekorasi ragam hias sesebuah pending emas yang dihasilkan. Ini menunjukkan keupayaan, kemahiran dan daya kreativiti seseorang tukang emas untuk menghasilkan sebuah pending emas yang indah dan bermutu tinggi. Dapatan analisis teknik pertukangan logam dalam perhiasan pending emas diperincikan dalam Jadual 1.1.

| Senarai sampel perhiasan pending emas | Teknik memahat | Teknik butiran | Teknik tebus tembus | Teknik karut | Teknik tampalan | Teknik tatahan batu permata | Teknik sepuhan emas |
|---------------------------------------|----------------|----------------|---------------------|--------------|-----------------|-----------------------------|---------------------|
| Pending 1 | ✓ | | | | | | |
| Pending 2 | ✓ | | ✓ | | ✓ | | |
| Pending 3 | ✓ | | | | | | |
| Pending 4 | ✓ | | ✓ | | | ✓ | |
| Pending 5 | ✓ | ✓ | | ✓ | | ✓ | |
| Pending 6 | ✓ | ✓ | | ✓ | | ✓ | ✓ |
| Pending 7 | ✓ | ✓ | | ✓ | | ✓ | ✓ |
| Pending 8 | ✓ | | ✓ | | ✓ | ✓ | |
| Pending 9 | ✓ | | | | | ✓ | |
| Pending 10 | ✓ | | ✓ | | ✓ | ✓ | |
| Pending 11 | | ✓ | | ✓ | | ✓ | |
| Pending 12 | | ✓ | | ✓ | | | ✓ |
| Pending 13 | ✓ | ✓ | ✓ | | | ✓ | ✓ |
| Pending 14 | ✓ | | | | | ✓ | ✓ |
| Pending 15 | ✓ | | | | | | ✓ |
| Pending 16 | ✓ | | | | | | |
| Pending 17 | ✓ | ✓ | | | | | |

| | | | | | | | |
|-------------------|---|---|---|---|--|---|---|
| Pending 18 | ✓ | ✓ | ✓ | | | ✓ | ✓ |
| Pending 19 | | ✓ | | ✓ | | ✓ | ✓ |
| Pending 20 | ✓ | | | | | ✓ | ✓ |

Jadual 1.1 Dapatan analisis teknik pertukangan logam dalam koleksi perhiasan pending emas JMM

(sambungan, Jadual 1.1)

| Senarai sampel perhiasan pending emas | Teknik memahat | Teknik butiran | Teknik tebuk tembus | Teknik karut | Teknik tampalan | Teknik tatahan batu permata | Teknik sepuhan emas |
|---------------------------------------|----------------|----------------|---------------------|--------------|-----------------|-----------------------------|---------------------|
| Pending 21 | ✓ | | | | | | |
| Pending 22 | ✓ | | | | | | ✓ |
| Pending 23 | ✓ | | | | | | |
| Pending 24 | ✓ | | | | | ✓ | |

5.1 Teknik memahat

Dalam ragam hias logam, teknik memahat merupakan asas utama yang digunakan kepada teknik-teknik pertukangan logam yang lain (Khairul Hafizi et al., 2009). Reka



bentuk sesebuah pending emas dalam bentuk tiga dimensi dapat dibentuk melalui teknik memahat. Corak atau motif-motif tertentu dipahat pada permukaan hadapan dan belakang kepingan logam emas dengan menggunakan kaedah pahat bunga dan pahat pasir (Mohd. Kassim, 2007). Tukang-tukang emas di sekitar Kota Bharu, Kuala Terengganu, Kuala Kangsar dan Pekan, Pahang merupakan pelopor teknik tersebut. Pandam digunakan sebagai bahan sokongan barang-barang hiasan semasa kerja-kerja memahat dilakukan.¹ Mata pahat dibentuk daripada paku atau batang besi untuk membentuk corak yang dikehendaki. Kesan timbul yang terhasil pada permukaan kepingan logam emas memberikan kesan jalinan sentuh yang menarik seperti di Rajah 8.

Rajah 8: Teknik memahat digunakan untuk membentuk reka corak dan motif.

5.2 Teknik karut (*filigree*)

Teknik karut atau pintalan dawai merupakan salah satu teknik tradisional yang boleh ditemui dalam koleksi pending emas. Teknik ini juga digunakan pada barang kraf yang dihasilkan daripada logam perak. Teknik karut dikatakan berasal dari Sumatera (Winstedt, 1925). Kebiasannya teknik ini digunakan untuk membentuk perhiasan diri bersama dengan batu permata yang berkualiti rendah. Terdapat pelbagai saiz dawai emas digunakan dalam teknik ini. Bingkai dihasilkan daripada pintalan dawai emas dibentuk mengikut corak atau bentuk yang diingini. Proses seterusnya ialah susunan secara berlapis pintalan dawai emas sebagai pengisian dalam sesuatu bentuk di atas

¹ Pandam diperbuat daripada kepingan atap singgora yang dihancurkan dan dimasak sehingga pekat. Pandam boleh dibentuk mengikut bentuk yang dikehendaki dengan kaedah dimasak/dipanaskan dan boleh digunakan berulang kali. Hasil temu bual bersama En. Nasar bin Musa, tukang emas dan perak pada 14 Oktober 2018 di kediamannya di Kg. Pasir Pekan Hilir, Tumpat, Kelantan.

permukaan pending. Bingkai yang telah disusun akan dipateri untuk dicantumkan. Teknik ini lebih banyak ditemui pada koleksi pending Melayu.

5.3 Teknik butiran

Pending emas yang dihiasi dengan butiran emas menunjukkan kehalusan hasil kerja tangan tukang emas Melayu tradisional. Butiran emas pada permukaan pending dihasilkan dengan teknik butiran atau teknik silat pahat.² Selain butiran emas, kepingan emas yang kecil turut digunakan dalam teknik ini. Teknik butiran ini tidak digunakan pada koleksi pending emas Baba Nyonya. Sifat tiga dimensi pending terserlah dengan saiz butiran yang digunakan dan susunan reka corak. Butiran dan kepingan emas akan disusun dengan teliti dan dipasang di atas permukaan pending mengikut reka corak yang telah ditetapkan. Kedua-dua teknik ini adalah rumit dan mengambil masa yang panjang. Daya tumpuan yang tinggi diperlukan oleh tukang dalam reka letak dan pemasangan butiran emas.



Rajah 9: Kombinasi teknik karut dan teknik butiran digunakan pada pending emas ini.

² Butiran emas ini turut dikenali sebagai ‘telur ikan’ oleh tukang-tukang emas Melayu tradisional (Mohd. Kassim, 2007; Winstedt, 1925).

5.4 Teknik tebuk tembus

Teknik tebuk tembus merupakan kaedah menebuk dan memotong permukaan logam.

Teknik ini digunakan untuk membentuk dan menimbulkan motif atau corak pada



kepingan logam dengan cara menebuk dan memotong bahagian logam yang tidak diperlukan. Gergaji kerawang atau alang gergaji merupakan peralatan utama yang digunakan dalam teknik ini. Motif atau corak akan dipahat untuk menimbulkan kesan tiga dimensi. Reka corak yang terhasil dengan teknik ini mencipta kelainan pada reka bentuk pending emas seperti di Rajah 10.

Rajah 10: Teknik tebuk tembus digunakan untuk menghasilkan reka corak pending.

5.5 Teknik tampalan

Teknik tampalan merupakan salah satu kaedah tradisional yang turut digunakan dalam pembuatan pending emas. Kepingan emas nipis ditampal menggunakan teknik tampalan di atas permukaan pending yang diperbuat daripada perak, tembaga atau suasa. Lazimnya, kepingan emas tersebut telah dipahat dengan corak tertentu dan menghasilkan kesan jalinan sentuh.



Rajah 11: Pending Baba Nyonya dengan kepingan emas yang ditampal pada permukaan tembaga.

5.6 Teknik sepuhan emas

Pending emas berwarna jingga kemerahan merupakan koleksi istimewa JMM.³ Koleksi pending ini menggunakan teknik sepuhan emas. Pending emas yang diperbuat menggunakan teknik ini menghasilkan tona warna emas yang menarik. Teknik sepuhan emas bermaksud menuakan warna emas asal dengan menggunakan bahan dan kaedah tertentu. Tukang emas Melayu tradisional menggunakan teknik sepuhan emas untuk membuat pending emas yang bermutu tinggi. Teknik ini bertujuan untuk menyerlahkan keindahan sesuatu barang hiasan. Proses pembuatannya adalah rumit dan perlu dilakukan berulang kali untuk mendapatkan tona warna jingga kemerahan pada logam emas yang menepati piawaian tukang emas.⁴ Kini, kaedah ini jarang dihasilkan oleh tukang-tukang emas Melayu kecuali sekiranya terdapat tempahan khas daripada individu tertentu.




Rajah 12: Tona warna jingga kemerahan atau warna ‘sepuh pinang masak’ dihasilkan dengan teknik sepuhan emas.

³ Orang Melayu Pantai Timur menggelarkan warna perhiasan emas ini sebagai ‘sepuh pinang masak’. Perhiasan diri daripada emas yang dihasilkan dengan teknik ini tidak memudarkan warna emas. Lazimnya perhiasan diri dengan warna ini sering ditempat dan dipakai oleh kerabat diraja. Teknik sepuhan emas dikatakan berasal dari negara China. Hasil temu bual bersama En. Nasar bin Musa, tukang emas dan perak pada 13 Oktober 2018 di kediamannya di Kg. Pasir Pekan Hilir, Wakaf Bharu, Kelantan.

⁴ Tawas, garam, air hujan atau air yang disulung, belerang dan kepingan asam keping daripada buah gelugur merupakan bahan-bahan yang digunakan dalam teknik sepuhan emas (Mohd. Kassim, 1988).

5.7 Teknik tatahan batu permata

Perhiasan pending emas bertatahan batu permata dapat menonjolkan keindahan reka bentuk sesebuah pending. Kebanyakan koleksi pending emas bertatahan batu permata di JMM adalah berasal dari negeri Pantai Timur yang merupakan koleksi keluarga diraja Kelantan. Pending emas yang mempunyai pelbagai jenis batu permata lazimnya dibuat untuk sultan dan kerabat diraja lelaki.⁵ Kaedah ‘box-setting’ merupakan kaedah yang sering digunakan untuk mengikat batu permata di atas permukaan pending (Mohd. Kassim, 1988). Fungsi batu permata pada bahagian mata punca pending adalah untuk mencipta titik tumpu atau ‘*focal point*’. Secara visual, penggunaan batu permata ini menyerlahkan sifat tiga dimensi pending emas berdasarkan wujudnya elemen ruang, sifat fizikal batu permata dan cara pemasangan yang dilakukan.



Rajah 13: Penggunaan pelbagai jenis batu permata sebagai dekorasi ragam hias.

5.8 Emas sebagai ragam hias

⁵ Hasil temu bual bersama En. Mohd. Syahrul bin Ab. Ghani, Kurator Kanan pada 8 Ogos 2018 di Muzium Tekstil Negara, Kuala Lumpur.

Emas turut digunakan sebagai ragam hias pada pending. Berdasarkan analisis yang dilakukan, kajian mendapati sebuah pending bercutam menggunakan emas yang ditatah dalam sebagai ragam hias. Pending ini diperbuat daripada logam perak dan berasal dari Patani, selatan Thailand. Kaedah pembuatan emas yang ditatah dalam atau ‘*gold inlay*’ ini dijelaskan oleh Winstedt (1925) iaitu “*where the base is a black oxydized metal, in which a pattern is chiselled out and gold is carefully inlaid in the recesses, the oxydized metal being than hammered so as to fix the gold firmly in place.*” Windstedt menyatakan dalam penulisannya, tujuan penggunaan emas yang ditatah dalam pada pending bercutam adalah untuk menimbulkan reka corak yang dihasilkan. Kesan kontra terhasil daripada warna emas dan warna hitam daripada logam perak yang teroksida. Emas sebagai ragam hias lazimnya digunakan pada pending bercutam yang mempunyai motif kaligrafi sebagai reka corak utama.



Rajah 14: Tatahan emas sebagai dekorasi ragam hias pending bercutam.

6.0 Kesimpulan

Koleksi pending emas di JMM adalah satu produk budaya kebendaan yang eksklusif dan mempunyai nilai estetika tersendiri. Reka bentuknya yang istimewa dan menarik membuatkan pending-pending ini kelihatan mewah dan bernilai tinggi. Kualiti logam emas, reka bentuk yang baik, kepelbagaian teknik pertukangan logam halus dan kehalusan mutu seni pertukangan merupakan antara faktor yang perlu diberi perhatian pada pending emas. Bagi masyarakat Melayu dan Baba Nyonya, pending emas merupakan budaya kebendaan yang menyerlahkan identiti budaya dan warisan kedua-dua kaum ini. Pemakaian pending emas secara tidak langsung menunjukkan peranannya sebagai simbol status dalam masyarakat pada zaman silam. Tipologi pending-pending emas ini menjelaskan cita rasa raja Melayu dan kerabat diraja. Hal ini dapat dilihat pada penggunaan bentuk geometri selain daripada bentuk organik yang sinonim sebagai identiti bentuk pending.

Hasil penemuan daripada kajian ini mendapati teknik pertukangan untuk pending emas Baba Nyonya adalah tidak jauh berbeza dengan teknik pertukangan logam halus pada pending emas. Melayu. Kepelbagaian teknik pertukangan logam yang digunakan menunjukkan kewujudan unsur pengaruh dari negara luar seperti India, China, selatan Thailand dan negara-negara Arab. Kegiatan perdagangan di sekitar kepulauan Melayu dengan negara-negara luar telah memperkaya teknik seni pertukangan logam halus di Tanah Melayu. Teknik pintalan dawai atau teknik karut dan teknik butiran menunjukkan terdapatnya unsur pengaruh Islam dalam pembuatan perhiasan diri Melayu (Dowe, 2009). Manakala kajian yang ditulis oleh pengkaji dari China iaitu Ceng (1990), Chen (2012) dan Li (2010) dipetik dalam Demandt (2015) menyatakan bahawa kedua-dua teknik tersebut adalah berasal dari Greece.

Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat dijadikan sebagai permulaan untuk kajian perhiasan pending oleh pengkaji-pengkaji lain pada masa akan datang. Kesimpulannya, pending emas ialah salah satu budaya kebendaan di kepulauan Melayu Nusantara yang melambangkan kekayaan, kuasa, status dan identiti pemiliknya.

Rujukan

Balai Seni Lukis Negara. (1997). *Barang Kemas Malaysia: Seni dan Warisan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Balai Seni Lukis Negara.

Demandt, Michèle H. S. (2015). Early gold ornaments of Southeast Asia: Production, trade and consumption. *Asian Perspectives*, 54(2), 305-330.
doi:10.1353/asi.2016.0000.

Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu. (1998).. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dowe, Badriya Yasmeen. (2009). *Jewellery of the Islamic World: An Introduction*. Kuala Lumpur, Malaysia: Islamic Arts Museum Malaysia.

Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu (edisi kedua). (2015). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ho, W. M. (1984). *Straits Chinese Silver: A Collector's Guide*. Singapura: Times Books International.

Khairul Hafizi Naharuddin, Yunus Seman, Asrul Azli Abu Hassan, Asri Abdul Samad, Che Abdul Malek Awang, Mohd. Sazali Mohd. Yusop, ... Mohd. Riduan Ahmad Mokhtar. (2009). *Seni Kraf Logam - Motif dan Teknik*. Selangor, Malaysia: Institut Kraf Negara.

Mohd. Kassim Haji Ali. (1988). *Gold jewellery and ornaments: In the collection of Muzium Negara Malaysia*. Kuala Lumpur, Malaysia: Persatuan Muzium Malaysia.

Mohd. Kassim Haji Ali. (2007). *Traditional Malaysian Jewellery*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Siti Raudhah Esa, Arba'iyah Ab Aziz, & Muliyadi Mahamood. (2018). Pending: A Study on Form, Design and Content of Malay Ornament. *Proceedings of the Art and Design International Conference (AnDIC 2016)*, 109-116.
https://doi.org/10.1007/978-981-13-0487-3_13

Siti Zainon Ismail. (2009). *Pakaian Cara Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hayati Mohamad Zawawi, Sabzali Musa Kahn & Raja Suriaty Raja Ahmed “ Koleksi Pending Emas: Tipologi Dan Teknik Pertukangan Logam” JMS Vol. 2 Issue 1 (2019): 328 – 351

Winstedt, R. O. (1925). *Malay Industries: Arts and Crafts*. Kuala Lumpur, Malaysia: The F.M.S. Government Press.